



SELASA, 17 OKTOBER 2017

CCO 2017/114

## KENYATAAN MEDIA

### ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYA 2017

---

**Pakar Sejarah tersohor, Profesor Anthony Crothers Milner yang banyak terlibat dengan kajian sejarah Malaysia adalah antara penerima Ijazah Kehormat di Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya (UM) 2017 yang diadakan pada 21-24 Oktober ini.**

Sumbangan Profesor Anthony Crothers Milner dalam akademik telah banyak menerima pengiktirafan antarabangsa dan yang terbaru, beliau menerima Anugerah Merdeka 2017. Pada Istiadat Konvokesyen UM 2017 ini, beliau akan menerima skrol Ijazah Kehormat daripada Canselor UM, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada sidang pertama (21 Oktober) di Dewan Tunku Canselor (DTC).

Istiadat Konvokesyen pada kali ini turut menyaksikan Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng, usahawan berjaya yang merupakan Pengerusi Eksekutif IOI Corporation Berhad dikurniakan Ijazah Kehormat. Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng yang pernah digelar sebagai "tree talker" akan dianugerahkan Ijazah Kehormat pada Sidang ke-empat (23 Oktober).

Bagi penerima Gelaran Profesor Emeritus, individu yang telah dipilih adalah Dr. Lin Hai Peng dan Datuk Dr Zainal Kling. Dr. Lin Hai Peng merupakan pakar Pediatrik, sementara Datuk Dr. Zainal Kling pula merupakan mantan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, UM sebanyak dua kali.

Sidang pada hari pembukaan turut menyaksikan anak kelahiran Kuala Lumpur, Nur Hana binti Mohamed Ariffin dan anak kelahiran Selangor, Loh Chee Keen, masing-masing dikurniakan Anugerah Pelajaran DiRaja.

Nur Hana, mahasiswa dari Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat menerima pengiktirafan Anugerah Pelajaran DiRaja ini atas kecemerlangannya dalam bidang akademik dan ko-kurikulum dan telah menerima Anugerah Dekan sebanyak empat kali sepanjang pengajian beliau.

Loh, graduan dari Fakulti Ekonomi & Pentadbiran pula menerima pengiktirafan tersebut atas kecemerlangannya dalam bidang akademik, kepimpinan dan ko-kurikulum sepanjang beliau menjadi mahasiswa di UM.

Universiti Malaya pada tahun ini melakar sejarah apabila jumlah graduan ijazah kedoktoran mencatat jumlah yang tertinggi. Seramai **645** graduan ijazah kedoktoran akan menerima skrol masing-masing pada Istiadat Konvokesyen 2017.

Menurut Datuk Profesor Awg Bulgiba Awg Mahmud, Menjalankan Fungsi Naib Canselor, Istiadat Konveksyen 2017 kali ini disifatkan istimewa berikutan pelancaran 'Kompilasi Titah Istiadat Konvokesyen Canselor Ketiga Universiti Malaya Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah'.

"Kompilasi Titah Canselor ini diharap dapat dimanfaatkan dan dijadikan pedoman oleh generasi masa kini dan generasi yang akan datang. Semoga kompilasi yang sarat dengan mutiara kata dan kata-kata nasihat ini dapat kekal memberi inspirasi kepada kita semua".

"Menariknya pada Istiadat kali ini, UM turut berjaya mencatat sejarah apabila sejumlah 645 orang graduan ijazah kedoktoran menerima skrol mereka. Jumlah ini merupakan jumlah ijazah kedoktoran yang paling tinggi yang pernah dilahirkan oleh UM" katanya.

Istiadat Konvokesyen UM 2017 akan dilangsungkan mulai 21-24 Oktober ini. Sidang Pertama dipengerusikan oleh DYMM Tuanku Canselor Sultan Nazrin, sidang kedua dan ketiga dipengerusikan Toh Puan Pro-Canselor, YABhg. Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong manakala sidang keempat dan kelima dipengerusikan Tan Sri Pro-Canselor, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan sidang keenam dan ketujuh dipengerusikan Tan Sri Pro-Canselor, YBhg. Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib.

Jumlah keseluruhan graduan bagi Istiadat Konvokesyen UM 2017 adalah **4867**.

1. Ijazah Kedoktoran – 645 :

- Doktor Falsafah - 631
- Doktor Perubatan - 1
- Doktor Kesihatan Awam - 11
- Doktor Kesihatan Awam Pergigian – 2

2. Ijazah Sarjana – 1795

3. Ijazah Sarjana Muda – 2427

# Semua maklumat adalah tepat semasa kenyataan ini diedarkan. Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada pihak media.

Pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Tuty Haryati Kassim  
0192195696  
03-7967 3424  
tutyharyati@um.edu.my

Cik Joan Tang May Yin  
016-5948004  
03-79673265  
joan@um.edu.my

Sekian, terima kasih.